



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA

PELAN **INTEGRITI BOMBA** 2016-2018

**“Ke Arah Organisasi
Kebombaan dan Penyelamatan
Berprestasi Tinggi”**

“CEPAT DAN MESRA”

**SEDIA
MENYELAMAT
999**

“Betulkan Yang Biasa, Biasakan Yang Betul”

PELAN INTEGRITI BOMBA 2016-2018

ISI KANDUNGAN

- Penghargaan 1
- Perutusan Ketua Pengarah 2

BAB 1 : PENGENALAN

- Definisi Integriti 3
- Pelaksanaan Pelan Integriti dalam JBPM 7
- Objektif Pelan Integriti BOMBA 7
- Objektif Khusus 7
- 8 Pendekatan 8
- TEKAD Integriti 11

BAB 2 : INTEGRITI DALAM SISTEM PROFESIONALISME DAN BUDAYA JBPM

- Objektif Jabatan 12
- Visi & Misi 12
- Dasar Kualiti Jabatan 12
- Etika (6 Nilai Bersama) 13
- Nilai-nilai Teras 13
- Amalan "Integrity Pact" 14

BAB 3 : UNDANG, AKTA DAN PERATURAN

- Kuasa dan Undang-undang 15
- Tugas Jabatan Bomba dan Penyelamat 15
- Akta dan Kanun 15
- Perundangan Subsidiari 15
- Arahkan 15

BAB 4 : MEKANISME INTEGRITI JBPM

- Latar Belakang Penubuhan Unit Integriti 16
- Carta Organisasi 17&18
- Mekanisma Pelaksanaan 20
- Fungsi Jawatankuasa Pelaksana Pelan Integriti Bomba 20

BAB 5 : PELAN TINDAKAN PELAN INTEGRITI BOMBA

- Sasaran 1:
Memantapkan Keberkesanan Tadbir Urus 22
- Sasaran 2:
Memantapkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan 27
- Sasaran 3:
Melaksanakan Program Kesedaran Memerangi Jenayah Rasuah,
Penyelewengan Dan Salah Guna Kuasa Serta Meningkatkan Integriti 30
- Sasaran 4:
Memantapkan Pentadbiran Sistem Keadilan 35
- Sasaran 5:
Memantapkan Pengurusan Sumber Manusia 38
- Sasaran 6:
Meningkatkan Imej Korporat Dan Reputasi 43

BAB 6 : ISU DAN CABARAN

- Faktor Kemerosotan Integriti 47
- Faktor Kejayaan Integriti 48
- Faktor Penentu Kejayaan dalam pelaksanaan Pelan Integriti Bomba 48

BAB 7 : PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI

- Pelaksanaan Forum Pemerkasaan Integriti 49

BAB 8 : PENUTUP

- Penutup 51
- Rujukan 52
- Glosari 52

PENGHARGAAN

Dalam usaha memperkemaskan lagi fungsi dan peranan Pelan Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia terhadap perkhidmatan kebombaan yang disampaikan Jabatan, Unit Integriti telah mengambil inisiatif dengan membuat pindaan terhadap pelan tersebut. Pindaan terhadap Pelan Integriti ini telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat melibatkan beberapa pegawai yang dipilih untuk menyemak semula serta meminda pelan ini sejajar dengan hasrat Jabatan untuk menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi.

Ucapan terima kasih kepada YAS Ketua Pengarah JBPM yang telah menjadi tonggak utama dalam memperkasakan integriti dalam JBPM. Sekalung penghargaan juga kepada Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) yang telah banyak membantu dalam usaha mendokong Jabatan dalam memartabatkan integriti dikalangan pegawai dalam jabatan. Ucapan penghargaan juga kepada semua Penolong Ketua Pengarah dan Pengarah Bahagian yang turut membantu dalam merealisasikan Pelan Integriti Bomba.

Seramai 50 orang pegawai terlibat dalam Bengkel Kajian Semula Pelan Integriti yang telah diadakan pada 6 hingga 8 April 2015 di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai. Senarai Nama Pegawai yang terlibat adalah Seperti di Lampiran A.

Di samping itu juga, dalam memastikan perkara yang disemak dan dikaji menepati kehendak Jabatan dan juga kerajaan umumnya, seramai dua orang penceramah luar telah dijemput bagi memberi nasihat, bimbingan dan menyumbang idea ke arah penambahbaikan. Penceramah tersebut adalah **Tn. Hj Hamilye Sham Bin Harun**, Pengarah Sektor Sosiobudaya, Institut Integriti Malaysia (IIM) dan **Tn Hj Ahmad Ariff Bin Mahidin** Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Pelaksanaan bengkel tersebut turut menjemput **PKPjB Zurkarnain Bin Mohd Kassim** selaku penceramah dalam memberi pandangan serta idea yang bernas bagi menyemak semula pelan tersebut. Di samping itu, **PPjB Norizan bin Hj Sulaiman** selaku Ketua Unit Integriti, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia memainkan peranan penting dalam memastikan semua tindakan berjalan dengan lancar.

Hasil daripada bimbingan serta nasihat yang telah diberikan serta komitmen semua pegawai yang terlibat, maka pindaan Pelan Integriti telah dapat disediakan. Tanpa usaha dari semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pindaan ini tentulah sukar untuk melaksanakan pindaan tersebut.

Semoga apa yang telah diusahakan ini akan dapat membuahkan hasil sepertimana yang telah dirancang. Oleh yang demikian, sokongan dan kerjasama semua pihak amatlah diperlukan bagi memastikan pelaksanaan Pelan Integriti ini berjalan dengan baik dan lancar. Adalah diharapkan agar visi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menjadi sebuah Organisasi Berprestasi Tinggi dengan penuh berintegriti akan dapat direalisasikan.

Perutusan

KETUA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA




Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam 1 Malaysia dan Salam Integriti.

Syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia dan rahmatNya maka Jabatan sekali lagi mengorak langkah dalam agenda untuk memperkasakan integriti di kalangan warga Bomba dengan menerbitkan Pelan Integriti Bomba (2016 - 2018) yang telah disemak semula oleh Unit Integriti JBPM bersama-sama dengan Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Usaha untuk memperkasakan integriti ini akan diteruskan bagi menentukan bahawa visi untuk menjadikan Jabatan ini sebagai sebuah organisasi kebombaian dan penyelamatan yang berprestasi tinggi akan menjadi kenyataan. Kita akan terus mengambil langkah untuk menentukan bahawa warga bomba akan menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cemerlang dan berwibawa. Jabatan berazam untuk memastikan warga Jabatan mengamalkan budaya kerja unggul dan mendukung hasrat kerajaan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan negara.

Untuk itu saya berharap agar semua warga JBPM akan dapat bersama-sama memikul tanggungjawab dalam menentukan Pelan Integriti Bomba ini dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan menentukan perjuangan Jabatan dalam menobatkan integriti dikalangan pegawai dalam Jabatan ini akan menjadi kenyataan.

Sekian, terima kasih.



DATUK WIRA H. WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM
KETUA PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

BAB 1: PENGENALAN

Definisi Integriti

Integriti mengikut yang diterjemahkan dalam **Pelan Integriti Nasional** adalah sepertimana berikut:

“..kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu. Ia berlandaskan etika dan pencerminan etika dalam tindakan sehari-hari.”

Integriti Individu

“...keselarasan antara apa yang dikata dan dikota, antara tindakan dengan prinsip moral, etika dan undang-undang, kepentingan diri dengan kepentingan umum.”

Integriti Organisasi

“...tercermin dalam perumusan dan pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan, sistem dan proses kerja serta pematuhan amalan terbaik. Kod etika organisasi ditegaskan, diulangi dan dihayati oleh anggota organisasi sehingga menjadi kebiasaan dan budaya.”

Integriti Penjawat Awam

“...melaksanakan amanah dan kuasa yang diberi untuk kepentingan umum. Tidak salahguna kuasa untuk kepentingan diri. Beri keutamaan kepada kepentingan awam bila berlaku konflik.”

Walau bagaimanapun **Haji Hamilye Sham bin Harun, Pengarah Koordinasi dan Pemantauan, Institut Integriti Malaysia (2013)**, menegaskan maksud integriti adalah merujuk kepada tingkah laku, perwatakan, karakter, sikap, sifat tindakan dan perbuatan seseorang individu yang menggambarkan keutuhan dan kesempurnaan peribadi akhlak dan jati diri yang mulia, baik dan berkualiti tinggi serta cemerlang demi mencari kebahagiaan di dunia dan di akhirat.



Takrifan Integriti adalah berbeza dari segi persepsi dan kefahaman seperti berikut:

Individu

“...nilai murni seperti ketelusan, kejujuran, bijaksana, keikhlasan, kebenaran, hormat-menghormati, adil dalam setiap tindakan, tidak berpura-pura (depan baik belakang jahat), melakukan perkara yang baik setiap masa, patuhi undang-undang, mengamalkan ajaran agama dan mengikut adat budaya masyarakat..”

Individu

“...keselarasan antara apa yang dikata dan dikota, antara tindakan dengan prinsip moral, etika dan undang-undang, kepentingan diri dengan kepentingan umum.”

Masyarakat

“...personaliti / karakter yang perlu ada dalam diri seseorang insan seperti jujur, amanah, berdedikasi, cekap, bertanggungjawab, telus, tidak mengambil rasuah, tidak buat silap, ikhlas, mengamalkan nilai-nilai murni, mematuhi peraturan, tidak ambil kesempatan dan memelihara maruah diri..”

Agama

“...merujuk kepada tingkah laku berakhlak mulia dan murni (amanah, jujur, ikhlas, bertanggungjawab serta adil dalam membentuk ketuhan peribadi. Himpunan nilai yang baik dan syarat sesuatu kerja itu diterima sebagai ibadah di sisi Allah swt. sekali gus menjadi imej dan standard kualiti Islam dalam amalan..”

Organisasi

“...tercermin dalam perumusan dan pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan, sistem dan proses kerja serta pematuhan amalan terbaik. Kod etika organisasi ditegaskan, diulangi dan dihayati oleh anggota organisasi sehingga menjadi kebiasaan dan budaya.”

***“Do the Right Thing,
Without People Watching*”**

Petikan Ucapan Tokoh




“Sesungguhnya, penjawat awam adalah khadam pemelihara kepentingan awam atau Custodian of the public interest. Jika tuan-tuan dan puan-puan sekalian tidak memiliki **integriti** maka kepercayaan dan keyakinan rakyat akan hilang. Kata pepatah lama, harimau mati meninggalkan belang manusia mati meninggalkan nama. Kita boleh mencari kuasa, kekayaan, kedudukan dan ilmu pengetahuan tetapi **tanpa integriti kita tidak akan mempunyai nama yang baik** sedangkan nama yang baik amatlah mustahak. Inilah yang akan dikenang oleh rakyat dan dicatat dalam sejarah.”

(Petikan ucapan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Di Majlis Perdana Perkhidmatan Awam KE-11 (MAPPA XI) di Dewan Plenary Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), 2010.)

“Saya menekankan sekali lagi bahawa jentera pelaksanaan negara perlu diasaskan kepada sifat amanah dan **integriti** dalam meningkatkan akauntabiliti dan tahap tadbir urus dalam negara. Tanpa nilai **integriti**, negara tidak boleh dikatakan negara maju dalam erti kata sebenar, meskipun maju dari segi ekonomi, sosial mahupun kualiti hidup.”

(Petikan ucapan Yang Berbahagia Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi Mantan Perdana Menteri semasa membentangkan usul Rancangan Malaysia Kesembilan 2006 — 2010 di Dewan Rakyat pada 31 Mac 2006.)



“Kerajaan sentiasa mengutamakan perkhidmatan yang bersih dan berintegriti sepertimana yang telah ditekankan dalam nilai-nilai ‘Cepat, Tepat dan **Integriti**’ (CTI) perkhidmatan awam. Sehubungan itu, tahap disiplin penjawat awam yang tinggi dalam melaksanakan tugas amatlah diharapkan demi menjayakan setiap gagasan yang dibawa. Harapan saya agar setiap warga JPM dapat memikul amanah ini dengan baik dan sentiasa mengamalkan **integriti** yang tertinggi dalam melaksanakan tanggungjawab kita seharian. Berikanlah perkhidmatan yang terbaik agar Perkhidmatan Awam Malaysia disanjung tinggi dan dipercayai oleh rakyat.”

(Petikan Ucapan Yang Berbahagia. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara Sempena Majlis APC Jabatan Perdana Menteri Pada 23/4/2015.)

“... pikullah amanah dan tanggungjawab dengan sepenuh hati dan berkhidmatlah dengan profesional serta integriti yang tinggi pada setiap masa. Jangan sesekali kita bertolak ansur dalam aspek integriti. Saya ulangi, tidak ada kompromi dalam soal integriti.”

(Petikan Ucapan YAS Datuk Wira Hj. Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan penyelamat Malaysia sempena Majlis Pemakaian Tanda Pangkat Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan Penguasa Bomba Gred KB 44 [Januari 2015])



“ Integriti secara umumnya ialah kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi. Integriti berkaitan erat dengan etika. Ia adalah berlandaskan etika dan pencerminan etika dalam tindakan sehari-hari,”

Pelan Integriti Nasional



PELAKSANAAN PELAN INTEGRITI DALAM JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebagai sebuah agensi penyelamat utama dalam memberi perkhidmatan kebombaanan dan penyelamatan telahpun menerbitkan buku Pelan Integriti JBPM pada tahun 2009. Dalam usaha memantapkan lagi Pelan Integriti JBPM dan memastikan ianya selari dengan gelombang transformasi global, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia meneruskan usaha ini dengan menyemak semula pelan tindakan sedia ada supaya ia menjadi lebih komprehensif.

Bagi tujuan itu, satu sesi Bengkel Kajian Semula Pelan Integriti Organisasi JBPM telah diadakan pada 6 – 8 April 2015 di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai, Terengganu melibatkan *seamless collaboration* semua Bahagian dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan wakil dari JBPM Negeri-negeri. Pegawai dari Institut Integriti Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia turut terlibat dalam bengkel tersebut sebagai pemangkin percambahan idea dalam memantapkan lagi pelan ini.

Perbincangan lanjut turut diadakan pada 6 Oktober 2015 bersama-sama dengan Tn Hj Hamilye Sham bin Harun, Pengarah Koordinasi dan Pemantauan, Institut Integriti Malaysia. Hasil daripada perbincangan yang telah dilaksanakan, maka Pelan Integriti Bomba bagi Tahun 2016 - 2018 telah dapat direalisasikan.

Objektif Pelan Integriti Bomba

- Untuk meneruskan kesinambungan usaha kerajaan bagi meningkatkan dan memperkukuhkan integriti dan nilai-nilai etika dalam kalangan warga Malaysia.
- Untuk menjadikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebagai sebuah agensi yang gemilang dalam aspek pembudayaan nilai-nilai murni dan integriti dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada semua masyarakat.
- Untuk memerangi dan membanteras jenayah gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.
- Untuk mengurangkan kejadian salah laku di kalangan warga Jabatan.



Objektif Khusus

- Memantapkan Keberkesanan Tadbir Urus
- Memantapkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan
- Melaksanakan Program Kesedaran Memerangi Jenayah Rasuah, Penyelewengan Dan Salah Guna Kuasa Serta Meningkatkan Integriti
- Memantapkan Pentadbiran Sistem Keadilan
- Memantapkan Pengurusan Sumber Manusia
- Meningkatkan Imej Korporat Dan Reputasi



PENDEKATAN

Sasaran dan strategi yang digariskan dalam Pelan Integriti Bomba menggunakan lapan (8) pendekatan seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:



Bagi mencapai objektif yang telah digariskan, lapan (8) pendekatan akan diambil, iaitu :

1 Pendidikan

- 1.1 Melalui pendekatan ini, jabatan akan melaksanakan aktiviti-aktiviti pendidikan secara bersepadu bagi melahirkan kepimpinan jabatan yang bertauladan, warga jabatan yang berpengetahuan, berkemahiran serta mengamalkan nilai-nilai integriti serta membenci rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa.
- 1.2 Bagi melahirkan kepimpinan yang bertauladan, Jabatan akan memastikan kumpulan pengurusan tertinggi menghadiri latihan berkaitan integriti sekurang-kurangnya setahun sekali.
- 1.3 Bagi mencapai matlamat pendidikan yang berterusan dan berulang, satu dasar yang menetapkan tempoh minimum latihan perlu diikuti oleh seorang pegawai JBPM dalam setahun selama tujuh (7) hari akan dikuatkuasakan.
- 1.4 Kursus integriti akan dijadikan sebagai kursus wajib bagi pegawai JBPM sama ada untuk pemangkuan atau kenaikan pangkat.

2 Pencegahan

- 2.1 Melaksanakan sistem ujian dan tapisan dalam urusan pengambilan kakitangan baru serta urusan kenaikan pangkat kakitangan dengan mengambil kira integriti sebagai aspek utama.
- 2.2 Mengenal pasti dan mengawalselia aktiviti-aktiviti berisiko yang boleh membuka ruang dan peluang menjejaskan integriti.
- 2.3 Mengkaji semula sistem dan prosedur dengan tujuan mengurangkan budi bicara dan tindakan yang kurang jelas.
- 2.4 Mewujudkan mekanisma pengukuhan persepsi orang awam dan pengukuran integriti JBPM, di mana sebarang kemerosotan integriti dapat dikesan pada peringkat awal.
- 2.5 Mewujudkan rasa kesedaran dan tanggungjawab dalam kalangan kakitangan yang dikenalpasti terdedah kepada amalan rasuah dan penyelewengan melalui program berterusan.
- 2.6 Mengurangkan peranan orang tengah dalam sebarang urusan dengan jabatan melalui penggunaan ICT, perluasan saluran perkhidmatan dan mempermudah proses kerja.



3 Pemantauan

- 3.1 Melatih Pegawai Penyiasat Integriti yang akan menjalankan siasatan kes-kes salah laku serta memantau tindakan pembetulan dan penambahbaikan.
- 3.2 Mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan serta-merta terhadap sebarang kelemahan yang dikenalpasti.
- 3.3 Mewujudkan sistem kawalan akauntabiliti dan integriti dalam JBPM.

4 Punitif

- 4.1 Mewujudkan sistem *demerit* bagi kakitangan yang melanggar peraturan dan tata tertib.
- 4.2 Memastikan kes tata tertib diambil tindakan segera dan dikenakan hukuman yang setimpal. Pemantauan ke atas pengurusan kes tata tertib di peringkat negeri akan diperkemas.
- 4.3 Kakitangan diberi ruang yang mencukupi dan adil untuk membela diri.

5 Pemulihan

Melaksanakan program pemulihan kepada kakitangan yang melanggar disiplin / tata tertib melalui program kaunseling atau *refresher course*.



6 Pengiktirafan

- 6.1 Mengenalpasti dan mengiktiraf individu cemerlang dalam jabatan sebagai *role model*.
- 6.2 Mengadakan sambutan Hari Integriti dengan mengadakan program pertandingan esei integriti, debat integriti, slogan integriti dan logo integriti.
- 6.3 Mewujudkan sistem penghargaan kepada pelanggan yang membantu meningkatkan integriti dan imej Jabatan.
- 6.4 Mewujudkan sistem penilaian yang tepat dan boleh dipercayai bagi tujuan penghargaan atau anugerah integriti serta menjadikannyasebagai salah satu kriteria untuk pertimbangan kenaikan pangkat.

7 Komunikasi

- 7.1 Meluaskan saluran komunikasi supaya nilai integriti dapat dihebahkan kepada semua lapisan kakitangan di seluruh Jabatan.
- 7.2 Meluaskan saluran komunikasi supaya aduan penyelewengan atau salahguna kuasa sama ada dari luar atau dalam jabatan, dapat diambil tindakan dengan kadar segera dan tepat.
- 7.3 Memperkemaskan sistem maklumbalas terhadap sebarang aduan di peringkat ibu pejabat atau negeri supaya ianya dapat dipantau dengan sewajarnya.

8 Penyelarasan

- 8.1 Mewujudkan Kor Siasatan Integriti (KSI) dan Pegawai Seranta Integriti (PSI) di peringkat JBPM Negeri.
- 8.2 Melantik jurulatih untuk program integriti jabatan bagi mengendalikan latihan berkaitan dengan integriti secara berterusan.



TEKAD INTEGRITI

1

TEKAD INTEGRITI 1 - Memerangi gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara menyeluruh dan berkesan

2

TEKAD INTEGRITI 2 - Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi karenah birokrasi

3

TEKAD INTEGRITI 3 - Meningkatkan tadbir urus korporat, etika perniagaan dan tanggungjawab sosial korporat

4

TEKAD INTEGRITI 4 - Memantapkan institusi keluarga dan komuniti

5

TEKAD INTEGRITI 5 - Meningkatkan kualiti hidup dan masyarakat

BAB 2:

INTEGRITI DALAM SISTEM PROFESIONALISME DAN BUDAYA JBPM

OBJEKTIF JABATAN

“Untuk memberi khidmat pencegahan dan pemadaman kebakaran, menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan aspek keselamatan dan memadam kebakaran serta menyediakan khidmat kemanusiaan yang cekap dan berkesan.”

VISI JABATAN

“Menjadi sebuah organisasi kebombaan dan penyelamatan berprestasi tinggi”.

MISI JABATAN

“Memberi Perkhidmatan Kebombaan dan Penyelamatan yang Profesional bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda”.



DASAR KUALITI JABATAN

- JBPM komited menjadi sebuah Organisasi Berprestasi Tinggi dalam aspek kebombaan dan penyelamatan.
- JBPM komited membudayakan sistem pengurusan kualiti dan tindakan penambahbaikan secara berterusan bagi memenuhi keperluan pelanggan.
- JBPM komited menentukan dokumentasi sistem pengurusan kualiti dikawal selia dan diselenggara dengan efektif dan berkesan selaras dengan keperluan standard.
- JBPM komited memastikan dasar kualiti dan objektif kualiti disebar, difahami dan dilaksanakan oleh keseluruhan anggota organisasi.
- JBPM komited melaksanakan sistem pengurusan kualiti dengan menerapkan aspek Pengurusan Risiko.

Integriti dalam profesionalisme nilai bersama :-

ETIKA

- Berkhidmat untuk negara kerana Allah
- Sentiasa bekhidmat untuk faedah masyarakat
- Taat dan setia, cekap dan sabar
- Bekerja dengan dedikasi, cekap dan amanah
- Siap sedia setiap masa
- Seerat serasa sehati sejiwa



NILAI-NILAI TERAS

1. Berani (*Valour*)

Sanggup menghadapi cabaran, mempunyai semangat juang yang tinggi untuk melaksanakan tugas yang mencabar dan bersedia mengambil risiko demi menyelamatkan nyawa mangsa yang ditimpa musibah.

2. Suka Menolong (*Caring*)

Menjadi tugas utama JBPM untuk menolong orang di dalam kesusahan. Ia perlu dilaksanakan dengan seikhlas hati dan mesra tanpa mengharap sebarang balasan.

3. Tidak Penting Diri (*Selflessness*)

Memberi perkhidmatan dengan rela hati dan mengutamakan perkhidmatan mengatasi kepentingan peribadi tanpa mengira masa dan keadaan.

4. Sabar (*Patience*)

Sanggup menghadapi cabaran dengan tenang dan sabar menghadapi kerenah orang ramai yang berurusan atau dalam kesusahan.

5. Tidak Putus Asa (*Persistence*)

Akan mencuba sedaya upaya dan berikhtiar bagi menyempurnakan tugas dan tanggungjawab yang ada di hadapan.



AMALAN *INTEGRITY PACT* DALAM JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Integrity Pact telah dilaksanakan di peringkat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam semua perolehan Jabatan sama ada secara sebutharga/tender ataupun pembelian terus. *Integrity Pact* merupakan satu proses pengisytiharan oleh pembida/orang awam untuk tidak menawar atau memberi rasuah bagi mendapatkan kontrak atau sebagai ganjaran mendapatkan sesuatu kontrak dan bagi mempercepatkan sesuatu urusan perolehan kerajaan. Seterusnya pembida / orang awam dan pegawai kerajaan akan menandatangani satu *pact* atau perjanjian untuk tidak melakukan perbuatan rasuah dalam pelaksanaan sesuatu kontrak serta menggariskan tindakan-tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku pelanggaran *pact* atau kontrak tersebut.

Kementerian Kewangan melalui Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) bertarikh 1 April 2010 telah memaklumkan mengenai pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan kerajaan. Tujuan utama *Integrity Pact* dilaksanakan dalam perolehan kerajaan adalah seperti berikut:

- i) Mengelak petender/penyebut harga daripada menawar atau memberi rasuah;
- ii) Menghendaki petender/penyebut harga melaporkan sebarang kesalahan rasuah Pihak Berkuasa; dan
- iii) Memastikan Kerajaan tidak menanggung “unnecessary costs” dalam pelaksanaan urusan perolehan.

Peringkat pelaksanaan *Integrity Pact* yang melibatkan pegawai kerajaan adalah seperti berikut:

- i) Peringkat Pelaksanaan *Integrity Pact* bagi Pegawai Awam
Peringkat 1: Semasa pegawai melapor diri untuk bertugas sama ada di Bahagian Bekalan dan Kontrak, Bahagian Pembangunan, Bahagian Kewangan dan lain-lain bahagian yang berkaitan dengan perolehan Kerajaan.

- ii) Peringkat Pelaksanaan *Integrity Pact* bagi Ahli Jawatankuasa berkaitan Perolehan
Peringkat 1: Semasa pelantikan sebagai Ahli Jawatankuasa berkaitan Perolehan seperti Jawatankuasa Spesifikasi, Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga, Jawatankuasa Penilaian Teknikal Dan Kewangan serta Jawatankuasa Rundingan Harga.
Peringkat 2: Apabila selesai tugas.

- iii) Peringkat Pelaksanaan *Integrity Pact* bagi Ahli Lembaga / Jawatankuasa Perolehan
Peringkat 1: Semasa pelantikan sebagai Ahli Lembaga / Jawatankuasa Perolehan seperti Lembaga Perolehan.
Peringkat 2: Apabila selesai tugas.

Peringkat Pelaksanaan *Integrity Pact* yang melibatkan pembida atau penender adalah seperti berikut:

- i) Semasa penyerahan dokumen tender / sebutharga oleh pembida
- ii) Semasa pengeluaran Surat Setuju Terima kepada pembida yang berjaya
- iii) Apabila Surat Setuju Terima ditandatangani dan dikembalikan oleh pembida berjaya
- iv) Apabila perjanjian perolehan ditandatangani oleh pembida berjaya dan Jabatan.

Pelaksanaan *Integrity Pact* ini diharap dapat meningkatkan kesedaran berkaitan kesalahan rasuah di kalangan pegawai dan kakitangan JBPM dan pihak yang mengurus dalam perolehan kerajaan, yang seterusnya dapat menghapuskan kesalahan-kesalahan rasuah yang biasa berlaku dalam perolehan kerajaan.

BAB 3:

UNDANG-UNDANG, AKTA DAN PERATURAN

KUASA DAN UNDANG-UNDANG

Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) adalah undang-undang tubuh yang mewujudkan dan memberi kuasa kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Objektif dan fungsi JBPM dinyatakan dengan jelas di bawah Seksyen 5 (1) & (2) Akta 341 seperti berikut;

Tugas Jabatan Bomba dan Penyelamat

5. (1) Tugas Jabatan Bomba dan Penyelamat hendaklah termasuk -
 - (a) mengambil langkah yang sah bagi:-
 - (i). memadam, menentang, mencegah dan mengawal kebakaran;
 - (ii). melindungi nyawa dan harta sekiranya berlaku kebakaran;
 - (iii). menentukan adanya jalan keluar kebakaran, penyenggaraannya dan pengawalseliaannya yang sempurna; dan
 - (iv). menentukan adanya jalan keluar yang cukup dari semua premis ditetapkan sekiranya berlaku kebakaran;
 - (b) menjalankan penyiasatan tentang sebab, punca, dan hal keadaan kebakaran; dan
 - (c) melaksanakan khidmat kemanusiaan, termasuk perlindungan nyawa dan harta semasa berlakunya apa-apa bencana.
- (2) Jabatan Bomba dan Penyelamat boleh, selain tugasnya di bawah subseksyen (1), melaksanakan apa-apa tugas lain yang dipertanggungjawabkan kepadanya oleh undang-undang atau sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri supaya dilaksanakannya.

Di samping Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) sebagai punca kuasa kepada Jabatan, lain-lain kuasa perundangan turut digunapakai dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabseperti berikut;

Akta dan Kanun

1. Akta Hospital Persendirian 1971(Akta 43)
2. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)
3. Akta Racun Makhluk Perosak 1979 (Akta 149)
4. Akta Bahan Letupan 1957 (Akta 207)
5. Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) 1984 (Akta 302)
6. Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304)
7. Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308)
8. Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 (Akta 493)
9. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)
10. Kanun Prosedur Jenayah
11. Akta Jalan, Parit dan Bangunan
12. Lain-lain Akta dan Sumber Perundangan

Perundangan Subsidiari

1. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS)
2. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Fi Pusat Latihan Bomba) 1996
3. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Kumpulan Wang Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba) 1997
4. Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1998
5. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Pengkompaunan Kesalahan) 2000
6. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Perakuan Bomba) 2001
7. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba) 2003
8. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Pegawai Bomba Bantuan) 2014

Arahan

1. Arahan MKN No. 20

BAB 4:

MEKANISME INTEGRITI JBPM

LATAR BELAKANG PENUBUHAN UNIT INTEGRITI JBPM

Unit Integriti JBPM ditubuhkan berdasarkan kepada Pekeliling JPA(BPO)(S)215/65/5 Jld.13 (8) PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2013, 'PENUBUHAN UNIT INTEGRITI DI SEMUA AGENSI AWAM mengenai keputusan kerajaan menubuhkan Unit Integriti sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam.

Sistem tadbir urus sektor awam yang terbaik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan penting dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan kerajaan melaksanakan dasar yang dimandatkan.


Dalam hubungan ini, Unit Integriti akan terus mengambil langkah untuk memantapkan integriti bagi menentukan pegawai dalam Jabatan ini menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang.

Unit Integriti bertanggungjawab terhadap enam fungsi teras yang merupakan usaha kawalan dalaman jabatan untuk menguruskan integriti dalam organisasi seperti berikut :


- **Menyelaraskan Program Pengukuhan Integriti Jabatan** - Melaksanakan kegiatan penggalakan, penerapan dan penghayatan serta pembudayaan nilai-nilai murni dan kod etika untuk membangunkan anggota dalam Jabatan yang mempunyai daya tahan yang tinggi, beretika dan berintegriti. Pembudayaan dan penerapan nilai-nilai murni dan kod etika perlu disepadukan dalam pelaksanaan dasar, perundangan, peraturan serta sistem dan prosedur penyampaian perkhidmatan untuk mengekang warga kerja daripada melakukan sebarang bentuk perlakuan negatif.
- **Menyelaraskan Program Pengurusan Aduan** - Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;
- **Menyelaraskan Program Tadbir Urus** - Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan;
- **Menyelaraskan Program Pematuhan** - Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa;
- **Menyelaraskan Program Pengesanan, Pengesanan** - Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil. Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;
- **Menyelaraskan Program Urusan Tatatertib** - Melaksanakan fungsi sebagai urusetia tatatertib. Melaksanakan kajian analisa ke atas data-data kes tatatertib untuk mengenalpasti isu dan corak salah laku bagi cadangan penambahbaikan, mengambil tindakan pencegahan dan pembetulan dengan segera berdasarkan peruntukan undang-undang atau peraturan sedia ada.



CARTA ORGANISASI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



CARTA ORGANISASI UNIT INTEGRITI JBPM



Dalam memantapkan lagi fungsi dan peranan Unit Integriti, unit ini telah merancang dan melaksanakan strategi seperti berikut:

a) Program Memperkasakan Integriti Pegawai Bomba

- Melantik Pegawai Seranta Integriti (PSI) di peringkat Negeri. Pegawai Seranta Integriti dilantik di kalangan Penolong Pengarah Latihan di setiap negeri. Pegawai ini akan memainkan peranan penting dalam memastikan setiap aktiviti pemerkasaan integriti termasuk disiplin pegawai dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan. Setiap masalah pegawai dapat dikesan lebih awal dan tindakan pencegahan, pembetulan dan punitif dapat diambil dengan segera.

b) Melaksanakan penguatkuasaan terhadap pematuhan peraturan-peraturan sedia ada

- Menubuhkan Kor Siasatan Integriti (KSI) Jabatan yang akan memastikan setiap aduan disiasat dengan segera. Pegawai KSI yang dilantik bertindak di peringkat negeri dalam melaksanakan siasatan mengikut terma rujukan (MS ISO/PS30) yang telah disediakan.
- Menyediakan laporan siasatan yang lengkap dan menyeluruh berhubung kejadian salah laku supaya LTT dapat melaksanakan tugas dengan tepat dan teratur.
- Di samping itu juga, pelaksanaan mesyuarat LTT yang diurus setia dapat dilaksana dengan lebih teratur dan terancang bagi mencapai sasaran dengan berpanduan KPI 3 kali setahun setiap negeri.

c) Mewujudkan satu mekanisme sistem aduan kesalahan berkaitan salah laku dan jenayah bagi tujuan pencegahan, pembetulan dan penambahbaikan.

Setiap aduan mengenai kesalahan berkaitan salah laku dan jenayah dapat disalurkan terus kepada Unit Integriti melalui beberapa saluran seperti berikut:

- Emel – integriti.bomba@1govuc.gov.my
- Whatsapps
- Facebook
- Surat rasmi/surat layang
- Telefon/SMS



MEKANISMA PELAKSANAAN

JAWATANKUASA PELAKSANA PELAN INTEGRITI BOMBA (JPIB)

Jawatankuasa Pelaksana Pelan Integriti Bomba (JPIB) ditubuhkan di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri bertujuan bagi memantau, menyelaraskan dan menilai PIB. Penubuhan Jawatankuasa PIB adalah bagi membuktikan komitmen dan kesungguhan Jabatan dalam merealisasikan PIB. Jawatankuasa Pelaksana Pelan Integriti Bomba adalah seperti berikut:

Peringkat Ibu Pejabat :

- i. **YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) - Pengerusi**
- ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
- iii. YS Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat
- iv. YS Penolong Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
- v. YS Penolong Ketua Pengarah Bahagian Penyiasatan
- vi. YS Penolong Ketua Pengarah Bahagian Latihan
- vii. YS Penolong Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan
- viii. YS Penolong Ketua Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
- ix. YS Penolong Ketua Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat
- x. Pengarah Pengurusan
- xi. Pengarah Kejuruteraan Jentera
- xii. *Subject Matter Expert*
- xiii. **Ketua Unit Integriti (Setiausaha)**

Urusetia : Unit Integriti

Peringkat Negeri:

- i. **Pengarah Negeri - Pengerusi**
- ii. Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat
- iii. Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
- iv. Penolong Pengarah Bahagian Penyiasatan
- v. Penolong Pengarah Pengurusan
- vi. Penolong Pengarah Kejuruteraan Jentera
- vii. *Subject Matter Expert*
- viii. **Penolong Pengarah Latihan– (Setiausaha)**

FUNGSI JAWATANKUASA PELAKSANA PELAN INTEGRITI BOMBA

1. Bagi memastikan setiap program yang dirancang dalam PIB dilaksanakan menurut program/aktiviti yang dirancang dan mencapai matlamat yang disasarkan.
2. Pemantauan akan dilaksanakan 2 kali setahun melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Pelan Integriti Bomba (JPIB).
3. Mengemukakan laporan kemajuan PIB kepada Pengurusan Tertinggi sebanyak 2 kali setahun.

Untuk memastikan perkhidmatan yang diberi dapat memenuhi kehendak stakeholder, pelanggan dan rakyat, JBPM akan mengambil pendekatan secara strategik. Melalui pelan integriti yang dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa sejajar dengan perubahan persekitaran dan keperluan *stakeholder* serta pelanggan, adalah diharapkan program yang dinyatakan dalam Pelan Tindakan dapat mewujudkan tadbir urus yang mantap, jitu dan berintegriti dalam mencapai sebuah organisasi yang berprestasi tinggi.

BAB 5:

PELAN TINDAKAN PELAN INTEGRITI BOMBA

SASARAN 1:
MEMANTAPKAN KEBERKESANAN TADBIR URUS

SASARAN 2:
**MEMANTAPKAN KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN**

SASARAN 3:
**MELAKSANAKAN PROGRAM KESEDARAN MEMERANGI JENAYAH
RASUAH, PENYELEWENGAN DAN SALAH GUNA KUASA SERTA
MENINGKATKAN INTEGRITI**

SASARAN 4:
MEMANTAPKAN PENTADBIRAN SISTEM KeadILAN

SASARAN 5:
MEMANTAPKAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

SASARAN 6:
MENINGKATKAN IMEJ KORPORAT DAN REPUTASI

PELAN TINDAKAN PELAN INTEGRITI BOMBA

Pelan Tindakan di dalam Pelan Integriti Bomba mempunyai 6 sasaran utama yang telah ditetapkan iaitu seperti berikut :

Sasaran 1 : Memantapkan keberkesanan tadbir urus

Sasaran 2 : Memantapkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan

Sasaran 3 : Melaksanakan program kesedaran memerangi jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa serta meningkatkan integriti

Sasaran 4 : Memantapkan pentadbiran sistem keadilan

Sasaran 5 : Memantapkan pengurusan sumber manusia

Sasaran 6 : Meningkatkan imej korporat dan reputasi

SASARAN 1 : MEMANTAPKAN KEBERKESANAN TADBIR URUS

Aspek Tadbir Urus amat penting dalam memastikan setiap perkhidmatan yang disampaikan dapat dilaksanakan dengan baik serta memenuhi kehendak stakeholders dan masyarakat. Sehubungan dengan itu Jabatan telah menetapkan sasaran utama dalam memantapkan keberkesanan tadbir urus sebagai langkah untuk memastikan hasrat tersebut tercapai.

OBJEKTIF:

Bagi memantapkan keberkesanan tadbir urus, Jabatan telah menetapkan objektif seperti berikut:

Objektif 1 : Pemantapan prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam tadbir urus

Objektif 2 : Peningkatan integriti jentera pengurusan dan pentadbiran

STRATEGI:

Bagi mencapai objektif tersebut, Jabatan telah menetapkan empat strategi pelaksanaan seperti berikut:

Strategi 1 : Pemantapan prosedur kerja

Strategi 2 : Penambahbaikan proses kerja secara kreatif dan inovatif

Strategi 3 : Memperluaskan teknologi komunikasi dalam pelaksanaan kerja

Strategi 4 : Kawalan dan pemantauan



Strategi 1 : Pemantapan Prosedur Kerja

Bil	Program/ Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Pelaksana	Jadual Pelaksanaan	Tindakan
1	Memperkemaskan Manual Prosedur Kerja	Memastikan semua warga jabatan mengetahui prosedur, proses dan aliran kerja bagi mengelakkan kekeliruan serta ruang dan peluang penyelewengan.	Semua warga jabatan	Bahagian Pengurusan Korporat Semua Bahagian	2 tahun sekali 2016 - 2018	• Mengemaskini Manual Prosedur Kerja setiap Bahagian • Mempamerkan carta alir kerja di bahagian masing-masing
2	Memperkemaskan fail meja bagi setiap pegawai.	Memastikan proses kerja difahami oleh setiap pegawai terbabit.	Semua warga jabatan	Semua warga jabatan	2 tahun sekali	Mengemaskini Fail Meja semua Pegawai Jabatan.
3	Hebahan proses dan prosedur kerja yang lebih menyeluruh menggunakan Portal.	Meningkatkan pemahaman pegawai berkaitan prosedur kerja	Semua warga jabatan	Bahagian Pengurusan Korporat / ICT	2016 - 2018	Memuat naik proses dan prosedur kerja dalam laman web jabatan supaya mudah diakses oleh pegawai
4	Pembudayaan MS-ISO 9001:2008 secara menyeluruh dalam kerja	Mewujudkan budaya kerja yang seragam dan cemerlang dapat dihasilkan	Semua warga jabatan	Bahagian Pengurusan Korporat	2016 - 2018	Mengadakan bengkel/ program audit secara berjadual ke bahagian-bahagian dan negeri-negeri terlibat
5	Meningkatkan keberkesanan tadbir urus Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan pengurusan aset	Memastikan semua kakitangan cekap dalam pengurusan kewangan, perolehan dan pengurusan aset	Semua pegawai yang diberi kuasa	Semua Penolong Ketua Pengarah dan Pengarah Negeri Bahagian Kewangan Ibu Pejabat & Negeri	2016 – 2018 1 tahun sekali 2016 – 2018 1 tahun sekali	• Memperkemaskan dan menganalisis penemuan pasukan audit untuk tujuan penambahbaikan. • Menjadualkan lawatan inspektorat ke PTJ dan verifikasi stok. • Penggubalan SOP/ATJ baru selaras dengan cabaran tanggungjawab. • Memperlengkapkan pengetahuan dan kemahiran pegawai dalam pengurusan kewangan melalui latihan dan praktikal

Strategi 2 : Penambahbaikan proses kerja secara kreatif dan inovatif

Bil	Program/ Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Pelaksana	Jadual Pelaksanaan	Tindakan
1	Sambutan Hari Inovasi	Mempromosikan semangat kreativiti dan inovatif warga bomba disemua peringkat jabatan bagi peningkatan produktiviti kerja	Semua warga jabatan	Bahagian Latihan/ Bahagian Pengurusan Korporat/ JBPM Negeri	Sekali setahun	Menjadikan sambutan inovasi sebagai sambutan tetap dalam takwim jabatan
2	Kempen 5 S	Mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan kerja serta peningkatan kualiti persekitaran kerja	Semua warga jabatan	Ibu Pejabat Negeri/ Zon/Balai	2016 – 2018	Mengadakan kempen 5S secara berkala disemua peringkat
3	Audit Kualiti Bahagian	Menentukan dan percambahan proses kerja bahagian Memastikan tahap prestasi kerja setiap bahagian sentiasa berada pada tahap terbaik	Semua Bahagian	Semua Bahagian di Ibu Pejabat	Sekali setahun	Mengadakan program audit kepada semua bahagian

Strategi 3 : Memperluaskan teknologi komunikasi dalam pelaksanaan kerja

Bil	Program/ Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Pelaksana	Jadual Pelaksanaan	Tindakan
1	Meningkatkan liputan dan kualiti kemudahan ICT.	Meningkatkan liputan penyediaan kemudahan ICT. Meningkatkan kapasiti kemudahan infrastruktur, pelayan, komputer dan peripheral ICT.	Semua warga jabatan	Cawangan Teknologi Maklumat	2016 - 2018 Sekali setahun	- Pelan Strategik ICT (2014-2018) - Menentukan norma agihan kemudahan ICT - Melaksana perolehan ICT
2	Meningkatkan penggunaan automasi dalam pelaksanaan tugas.	Meningkatkan kecekapan pelaksanaan kerja dan produktiviti melalui penggunaan automasi berasaskan ICT	Semua warga jabatan	Cawangan Teknologi Maklumat	Sekali setahun 2016 - 2018	- Kajian terhadap proses kerja untuk tujuan komputerisasi. - Pembangunan sistem aplikasi.
3	Melaksana latihan berkaitan ICT secara berterusan.	Meningkatkan tahap kemahiran ICT semua warga organisasi	Semua warga jabatan	Cawangan Teknologi Maklumat Bhg. Latihan Caw. PSM	2016 - 2018	Perancangan dan pelaksanaan program latihan kemahiran ICT
4	Memantapkan sistem komunikasi kecemasan melalui aplikasi ICT.	Memastikan sistem pengurusan kecemasan sentiasa beroperasi secara berkesan.	Semua warga jabatan	Bahagian Operasi, Bahagian Pembangunan Cawangan Teknologi Maklumat	Berterusan Berterusan Berterusan	- Penggunaan sistem MERS999 - Memperluaskan penggunaan sistem komunikasi melalui GURN - Memperluas keberkesanan dan capaian pengawasan berkomputer (CMS)
5	Meningkatkan perkongsian data dengan agensi-agensi yang berkaitan dengan perkhidmatan utama Jabatan.	Perkongsian data yang boleh digunakan secara bersama bagi penggunaan agensi-agensi yang terlibat.	Bahagian Operasi, Bahagian Keselamatan Kebakaran	Bahagian Operasi, Bahagian Keselamatan Kebakaran, Cawangan Teknologi Maklumat	Berterusan Berterusan	Menjalankan kajian terhadap kesesuaian perkongsian data. Melaksanakan perkongsian data dengan agensi-agensi berkaitan. (1malaysia data directory)

Strategi 4 : Kawalan dan pemantauan

Bil	Program/ Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Pelaksana	Jadual Pelaksanaan	Tindakan
1	Perlaksanaan pengauditan MS-ISO dalam jabatan secara menyeluruh.	Memastikan pematuhan dokumen dan prosedur yang dilaksanakan seragam dan teratur	Semua warga jabatan	Semua bahagian	Sekali setahun	Melaksanakan lawatan inspektorat / audit dalaman
2	Perlaksanaan program pengauditan SSR dalam penilaian prestasi jabatan.	Memastikan tanda aras jabatan (bench mark) berada pada tahap yang berprestasi tinggi.	Semua warga jabatan	Bahagian Korporat	Sekali setahun	Memantau dan menganalisis pencapaian yang dilaksanakan
3	Menambahbaik kaedah kawalan ke atas amalan industri kebombaan	Memastikan industri kebombaan di negara ini dapat dikawal dan memenuhi kehendak perundangan	Pengamal industri kebombaan	Bahagian Keselamatan Kebakaran	Berterusan 2016 - 2018	- Kawalan Pendaftaran Kelayakan bagi pengamal industri dilaksanakan. - Mengemaskini peraturan dan undang-undang yang relevan dan terkini berhubung dengan pendaftaran ke atas sistem dan bahan-bahan (material) yang dikemukakan oleh pengusaha industri kebombaan (pengeluar, pengedar, pemasar, kontraktor)
4	Memantapkan sistem kawalan dan pematuhan operasi kebombaan	Memastikan pematuhan prosedur kerja yang ditetapkan	Semua warga jabatan	Bahagian Operasi, Unit Integriti	Berterusan	Pelaksanaan naziran oleh Bahagian Operasi dan Unit Integriti

SASARAN 2 : MEMANTAPKAN KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan merupakan sasaran yang perlu diberi penekanan dan perhatian. Melalui sasaran ini adalah diharapkan apa yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lebih baik, sempurna dan teratur mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

OBJEKTIF:

Bagi memantapkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan, Jabatan telah menetapkan objektif seperti berikut:

Objektif 1 : Meningkatkan sistem penyampaian khidmat kebombaanan ke tahap terbaik

Objektif 2 : Memperkasakan keberkesanan sistem pengurusan dan peralatan kebombaanan.

STRATEGI:

Bagi mencapai objektif tersebut, Jabatan telah menetapkan dua strategi pelaksanaan seperti berikut:

Strategi 1 : Meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan

Strategi 2 : Permodenan sistem pengurusan dan peralatan kebombaanan



Strategi 1 : Meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan

Bil	Program/ Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Pelaksana	Jadual Pelaksanaan	Tindakan
1	Menetapkan masa tiba di lokasi insiden (response time) di kawasan jagaan balai mengikut ukuran masa ditetapkan	Memastikan ketibaan ke lokasi insiden dengan cepat, selamat dan menepati tempoh masa yang ditetapkan	Pasukan Keluaran Operasi	Bahagian Operasi Ibu Pejabat/ Negeri/ Zon	Berterusan Berterusan Berterusan Berterusan Berterusan	• Pelaksanaan MS ISO 9001:2008 • Pelaksanaan KPI dengan penetapan ukuran dan pencapaian Response Time • Penyediaan dan pelaksanaan latihan pelan Rancangan Kebakaran di kawasan jagaan • Pelaksanaan Sistem MERS 999 • Latihan Pemanduan
2	Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan termasuk kelulusan, pembekalan/ pembayaran dan penyelenggaraan	Memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai adalah yang terbaik. Pembekalan dan penyelenggaraan dilaksanakan seperti ditentukan dan mematuhi undang-undang, dan peraturan Memastikan penyampaian perkhidmatan sokongan perakuan mematuhi tempoh masa dan peraturan yang ditetapkan.	Semua Warga Jabatan	Semua bahagian	Berterusan Berterusan	• Pelaksanaan MS ISO 9001:2008 - Pelaksanaan e-perolehan sepenuhnya 100% • Melaksanakan dan memantau pencapaian melalui pelaksanaan KPI
3	Meningkatkan kepakaran, kemahiran dan profesionalisme warga kerja	Memastikan citarasa pelanggan dipenuhi.	Semua Warga Jabatan	Semua bahagian yang berkaitan	2 Kali Setahun Berterusan Berterusan Berterusan	• Menganjurkan kursus berkaitan perkhidmatan kaunter kepada kumpulan sasaran • Menjalankan kajian, menilai maklumbalas, penambahbaikan perkhidmatan yang diberikan. • Mengadakan kaunter untuk bahagian/unit yang berkenaan • Menempatkan pegawai kaunter yang kompeten
4	Menjalankan latihan berskala besar peringkat negeri dan kebangsaan	Mewujudkan kerjasama bersepadu jabatan dengan agensi lain	Semua warga jabatan	Bahagian Operasi	2 kali setahun Berterusan	• Menjalankan latihan bersama-sama dengan agensi lain - D'Mex - Ex-Storm • Mewujudkan Satu Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Negeri
5	Penentuan taburan balai bomba di seluruh negara melalui Kajian Perlindungan Kebombaan (Fire Cover)	Memastikan penilaian risiko setiap kawasan dilaksanakan bagi menentukan keperluan pembinaan balai bomba yang baru	Pengarah Bomba Negeri dan Pegawai Pembangunan Negeri	Bahagian Pembangunan	Berterusan	• Kajian Perlindungan Kebombaan berdasarkan aplikasi "TM Smartmap" atau lain-lain aplikasi Geographical Information System (GIS)

Strategi 2 : Permodenan sistem pengurusan dan peralatan kebombaan

Bil	Program/ Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Pelaksana	Jadual Pelaksanaan	Tindakan
1	Membangunkan sistem perolehan alat ganti dan penyelenggaraan yang sistematik dan teratur.	Menyelaras dan mengkoordinasi penyelenggaraan kenderaan, jentera serta peralatan dan perolehan alat ganti secara sistematik	Pegawai Perolehan Pegawai kejuruteraan ibu pejabat/negeri/zon	Unit Bekalan dan Kontrak Bahagian kejuruteraan jentera	2016 - 2018	Membangunkan sistem penyelenggaraan secara menyeluruh
2	Penyelenggaraan dan penentuan peralatan kebombaan secara berkala dan berpusat.	Semua urusan penyelenggaraan dan penentuan dibuat secara berpusat untuk memudahkan pemantauan dan kawalan	Pegawai perolehan ibu pejabat / negeri /zon Pegawai kejuruteraan Ibu Pejabat/negeri/zon Pegawai Perolehan	Unit Bekalan dan Kontrak Bahagian kejuruteraan HQ/ Negeri	4 kali setahun	Pembangunan sistem penyelenggaraan secara berpusat
3	Mewujudkan pasukan panel khas pemantauan dan penyelenggaraan jentera dan peralatan kebombaan	Membentuk pasukan panel khas bagi memastikan proses penyelenggaraan yang lebih efektif dan efisien	Ketua jabatan peringkat HQ/ Negeri	Bahagian Kejuruteraan HQ/ Negeri	2016 - 2018	Membentuk pasukan yang pakar dan mahir untuk memastikan pemantauan dan penyelenggaraan peralatan bekasan
4	Membangunkan sistem pangkalan data kenderaan, jentera dan peralatan berenjin kebombaan yang sistematik dan teratur	Membangunkan sistem pangkalan data yang berkesan terhadap semua aset berenjin jabatan	Pegawai Aset Jabatan Pegawai ICT Pegawai jentera/ kejuruteraan HQ/ Negeri	Unit Aset Unit ICT Bahagian Kejuruteraan HQ/ Negeri	2016 - 2018	Membentuk dan membangunkan satu pangkalan data yang komprehensif di peringkat Ibu Pejabat
5	Penyelenggaraan peralatan kebombaan secara berkala	Menjimatkan perbelanjaan / kos pembaikan dan memastikan peralatan berada dalam keadaan boleh digunakan setiap masa	Semua warga jabatan	Bahagian Operasi Bahagian Kejuruteraan	Berterusan	Mengadakan dan melaksanakan penyelenggaraan mengikut Jadual Berkala Peralatan
6	Mengemaskini aplikasi Myasset Jabatan	Memantau kedudukan bilangan dan status aset jabatan	Semua Bahagian	Bahagian Pengurusan	2 kali setahun	Pembentangan dan perbincangan isu dalam Mesyuarat Jawatankuasa Aset Jabatan.
7	Mengoptimalkan penggunaan sumber-sumber logistik	Meningkatkan keberkesanan penggunaan sumber dan aset	Semua warga jabatan	Bahagian Operasi	2016-2018	Mewujudkan resource matrix mengikut hierarki pengurusan operasi (Pusat, Negeri, Zon dan Balai termasuk antara agensi dan pihak swasta)
					2016-2018	Meningkatkan keupayaan mobilisation and demobilisation dalam sesuatu insiden



SASARAN 3 : MELAKSANAKAN PROGRAM KESEDARAN MEMERANGI JENYAH RASUAH, PENYELEWENGAN DAN SALAH GUNA KUASA SERTA MENINGKATKAN INTEGRITI

Setiap pegawai perlu mempunyai kesedaran menghindarkan diri dari melakukan perbuatan jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Bagi meningkatkan kesedaran memerangi jenayah dan salah laku berkenaan Jabatan telah menetapkan objektif seperti berikut:

OBJEKTIF:

Objektf 1 : Untuk meningkatkan kesedaran kepada warga JBPM dan pelanggan tentang kesan buruk gejala rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan.

Objektf 2 : Untuk mengurangkan ruang dan peluang berlakunya gejala rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan di kalangan warga JBPM

Objektf 3 : Untuk memperkasakan integriti di kalangan warga JBPM dan pelanggan

STRATEGI:

Bagi mencapai objektif tersebut, Jabatan telah menetapkan empat strategi iaitu seperti berikut:

Strategi 1 : Meningkatkan amalan nilai-nilai membenci rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan serta meningkatkan integriti.

Strategi 2 : Mewujudkan mekanisma maklumbalas pelanggan

Strategi 3 : Mengenalpasti dan menganalisis ruang dan peluang pada prosedur kerja yang boleh berlaku rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan

Strategi 4 : Mempertingkatkan mekanisme kawalan dan pemantauan kepada ruang dan peluang yang boleh berlaku rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan



Strategi 1 : Meningkatkan amalan nilai-nilai membenci rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan serta meningkatkan integriti.

Bil	Program/ Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Pelaksana	Jadual Pelaksanaan	Tindakan
1	Menganjurkan ceramah mengenai rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan	Mengukuhkan tahap kesedaran warga JBPM berhubung dengan salahguna kuasa dan penyelewengan	Semua warga jabatan	Unit Integriti, Bahagian Latihan, JBPM SPRM, IIM dan NGO	2 kali setahun	Mengadakan Ceramah Integriti
2	Mengadakan kursus Integriti kepada jurulatih	Melahirkan jurulatih jabatan kompeten dan berintegriti	Pegawai Akademi dan Bahagian	Unit Integriti, Bahagian Latihan, IIM	2 kali setahun	Mengadakan Kursus Integriti
3	Mengadakan Forum Pemerkasaan Integriti	Membudayakan dan mengamalkan nilai-nilai integriti	Semua warga jabatan	Unit Integriti, Bahagian Latihan/ Jurulatih yang dilantik SPRM, IIM dan NGO	4 kali setahun	Mengadakan Forum Pemerkasaan Integriti
4	Mengadakan sesi dialog dengan pelanggan	Menyampaikan mesej tentang nilai-nilai menolak rasuah	Masyarakat dan pelanggan profesional dan pengusaha	Bahagian Keselamatan Kebakaran	2 kali setahun	Mengadakan sesi dialog dengan pelanggan jabatan
5	Mewujudkan slogan, kata-kata hikmah, banner, logo dan badge yang bertemakan JBPM membenci rasuah	Memperingatkan semua warga JBPM mengenai nilai-nilai menolak rasuah	Semua warga jabatan	Unit Integriti	Berterusan	Menyediakan dan mengedarkan risalah, poster, pamflet kepada warga JBPM dan pelanggan.
6	Mewujudkan ikrar integriti yang seragam	Menanam nilai memperkasakan integriti bermula dari bawah hingga ke peringkat atas	Semua warga jabatan	Unit Integriti	Berterusan	Mewajibkan pembacaan ikrar integriti disemua peringkat pegawai di setiap majlis formal dan tidak formal

Strategi 2 : Mewujudkan mekanisme maklumbalas pelanggan

Bil	Program/ Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Pelaksana	Jadual Pelaksanaan	Tindakan
1	Dialog dengan badan profesional dan NGO	Meningkatkan kefahaman tentang aspek pencegahan dan keselamatan kebakaran	Badan profesional dan NGO	Bahagian Keselamatan Kebakaran	2 kali setahun	Bahagian Keselamatan Kebakaran dan Bahagian Latihan
2	Memantapkan mekanisme maklumbalas pelanggan kepada jabatan	Memudahkan pelanggan memberi / membuat penilaian perkhidmatan Jabatan	Orang awam	Bahagian Korporat/ Bahagian Teknologi Maklumat	Berterusan	Menyediakan dan mengedarkan borang soal selidik
3	Sistem aduan bersepadu	Menguruskan aduan awam	Orang awam	Bahagian Korporat JBPM	Berterusan	Mengurus tadbir sistem sedia ada
4	"One Stop Centre"	Menerima dan memproses permohonan dengan cepat dan efisien	Profesional	Bahagian Keselamatan Kebakaran	Berterusan	Mengurus dan memproses permohonan yang diterima mengikut prosedur
5	Menganalisis kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan termasuk kelulusan, pembekalan/ pembayaran dan penyelenggaraan	Memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai adalah yang terbaik. Pembekalan dan penyelenggaraan dilaksanakan seperti ditentukan dan mematuhi undang-undang, dan peraturan	Semua bahagian	Semua bahagian	Berterusan	• Mematuhi mengikut MS ISO 9001:2008 • Melaksanakan dan memantau pencapaian melalui pelaksanaan KPI

Strategi 3 : Mengenalpasti dan menganalisis ruang dan peluang pada prosedur kerja yang boleh berlaku rasuah, salahguna kuasa danpenyelewengan

Bil	Program/ Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Pelaksana	Jadual Pelaksanaan	Tindakan
1	Menyemak semula prosedur kerja	Mengenalpasti kelemahan dan membuat penambahbaikan prosedur kerja	Semua prosedur kerja	Setiap bahagian	2016 hingga 2018 2016 hingga 2018	- Semakan semua prosedur kerja - Mengemukakan penemuan kepada Pengurusan tertinggi
2	Menyemak aduan-aduan yang diterima	Mengenalpasti kekerapan pada prosedur yang boleh menyebabkan berlakunya rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan	Semua aduan-aduan yang diterima	Unit Integriti/ Bahagian Korporat	2016 hingga 2018	Mengkelaskan jenis aduan berdasarkan prosedur kerja
3	Membuat analisis jurang terhadap prosedur kerja	Mendapatkan peringkat aliran proses kerja yang boleh mewujudkan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan	Prosedur kerja yang telah dikenalpasti	Pasukan petugas	2016 hingga 2018	Menilai hubungkait bilangan aduan dengan prosedur kerja berkaitan
4	Mewujudkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (PPRM)	Mengenal pasti ruang dan peluang berlakunya rasuah	Bahagian yang berisiko	Unit Integriti, Pasukan petugas	2016 2016	- Mengenal pasti bahagian yang berisiko - Mendokumentasikan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah

Strategi 4 : Mempertingkatkan mekanisme kawalan dan pemantauan kepada ruang dan peluang yang boleh berlaku rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan

Bil	Program/ Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Pelaksana	Jadual Pelaksanaan	Tindakan
1	Memperkasakan pelaksanaan mentor mentee	Memastikan prosedur kerja dipatuhi dengan tepat dan betul	Semua Warga Jabatan	Unit kaunseling	Berterusan	Menyediakan laporan perkembangan pelaksanaan mento mentee
2	Mendapatkan maklumbalas pelaksanaan prosedur kerja	Memastikan prosedur kerja dipatuhi	Semua Warga Jabatan	Pengurusan Tertinggi, Ketua bahagian	Bulanan Tiga kali setahun	• Mengadakan mesyuarat bahagian • Mengadakan mesyuarat jawatankuasa integriti dan tadbir urus (JITU) • Mengadakan mesyuarat lembaga tatatertib • Mendapatkan laporan pelaksanaan prosedur
3	Memantapkan saluran pengurusan aduan	Meningkatkan ketelusan dan memperbaiki kelemahan sistem pentadbiran dan salah laku	Orang awam dan Semua Warga Jabatan	Unit integriti Bahagian Korporat	Berterusan	Mempromosikan pengurusan aduan melalui media sosial dan aktiviti jabatan
4	Memantapkan sistem kawalan dan pematuhan pengurusan pentadbiran dan kewangan	Memastikan perolehan kerja dan bekalan mematuhi spesifikasi dan prinsip 'value for money'	Cawangan kewangan dan yang berkaitan	Cawangan kewangan dan bekalan Bahagian pembangunan	Berterusan	Menyediakan laporan pematuhan prosedur perolehan dan kewangan

SASARAN 4 : MEMANTAPKAN PENTADBIRAN SISTEM Keadilan

Sesebuah organisasi perlulah mempunyai sistem pentadbiran yang berteraskan keadilan yang mantap. Oleh yang demikian langkah proaktif akan diambil oleh Jabatan bagi memastikan objektif berikut akan tercapai:

OBJEKTIF:

Objektif 1 : Pemantapan prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam penyampaian khidmat kebombaan dan penyelamatan

STRATEGI:

Bagi mencapai objektif tersebut, Jabatan telah menetapkan tiga strategi iaitu seperti berikut:

Strategi 1 : Memantapkan prosedur kerja, undang-undang dan peraturan

Strategi 2 : Meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan

Strategi 3 : Menilai keberkesanan pencapaian sasaran



Strategi 1 : Memantapkan prosedur kerja, undang-undang dan peraturan

Bil	Program/ Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Pelaksana	Jadual Pelaksanaan	Tindakan
1	Menguatkuasakan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341)	Memastikan pematuhan pelaksanaan di bawah peruntukan akta yang digunakan	Semua pelangan Jabatan	Bahagian Keselamatan Kebakaran, Bahagian Operasi Kebombaan,	Berterusan	Membuat pemeriksaan bangunan bagi tujuan: - Premis yang ditetapkan (FC) serta penghapusan bahaya kebakaran (MBK) - Tindakan operasi dan menyelamat
2	Memperluangkan dan mengemaskini Standard Operation Procedure (SOP) / Arahan Tetap Jabatan (ATJ)	Memastikan peraturan yang digunakan bersesuaian dengan keadaan semasa	Semua warga jabatan	Semua bahagian	2016 - 2018	Menyemak dan Menilai SOP / ATJ yang sedia ada supaya bersesuaian dengan keadaan semasa. contohnya pelesenan, perakuan, dan pencegahan kebakaran
3	Melaksanakan semakan semula secara berterusan undang-undang dan peraturan semasa seperti: i) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 ii) Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984	Memastikan segala Akta dan peraturan dikemaskini, untuk diselaraskan dengan pembangunan negara	Bahagian- bahagian terlibat	Bahagian Penyiasatan Kebakaran, Bahagian Keselamatan Kebakaran	2016 - 2018	Semakan semula terhadap semua Akta serta peraturan semasa yang tidak relevan lagi.

Strategi 2 : Meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan kebomba dan penyelamatan

Bil	Program/ Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Pelaksana	Jadual Pelaksanaan	Tindakan
1	Menilai semua keberkesanan KPI Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Mengetahui status pencapaian prestasi jabatan termasuk bahagian-bahagian	Semua bahagian	Bahagian Korporat	Berterusan	Kajian semula data (analisa), tindakan penambahbaikan

Strategi 3 : Menilai keberkesanan pencapaian sasaran

Bil	Program/ Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Pelaksana	Jadual Pelaksanaan	Tindakan
1	Menjalankan kajian tentang persepsi orang awam terhadap jabatan	Mendapat pandangan orang awam terhadap integriti pegawai bomba	Orang awam	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan/ Bahagian Korporat / Unit Integriti/ICT	Berterusan	Menyediakan soal selidik dan mendapatkan penemuan hasil kajian

SASARAN 5 : MEMANTAPKAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Sumber manusia merupakan aset utama dalam sesebuah organisasi yang menentukan pencapaian visi dan misi yang ditetapkan. Jabatan memandang serius terhadap pengurusan sumber manusia dalam memantapkan lagi personaliti seseorang pegawai dalam mendukung dan melaksana aspirasi Jabatan. Sehubungan itu Jabatan menetapkan untuk mencapai objektif berikut:

OBJEKTIF:

Objektf 1 : Melahirkan personel yang profesional, berintegriti dan kompeten terhadap tugas dan tanggungjawab

Objektf 2 : Mengenalpasti ruang penambahbaikan bagi pembangunan modal insan dan kemajuan kerjaya

STRATEGI:

Bagi mencapai objektif tersebut, Jabatan telah menetapkan empat strategi iaitu seperti berikut:

Strategi 1 : Pembangunan sumber manusia secara sistematik

Strategi 2 : Meningkatkan sahsiah dan integriti personel

Strategi 3 : Mengukuhkan kebajikan dan keselamatan organisasi

Strategi 4 : Melaksanakan sistem penilaian prestasi anggota yang lebih berkesan, adil dan saksama





Strategi 1 : Pembangunan Sumber Manusia Secara Sistematik

Bil	Program/ Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Pelaksana	Jadual Pelaksanaan	Tindakan
1	Mempertingkatkan K-Personel dalam jabatan	Melahirkan personel yang profesional, berintegriti dan kompeten terhadap tugas dan tanggungjawab	Semua Warga Jabatan dan orang awam	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Bahagian Latihan Ibupejabat Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia	Berterusan Berterusan Berterusan 1 tahun sekali	• Pra syarat kemasukan ke dalam perkhidmatan dan kenaikan pangkat berasaskan kelayakan. • Mewujudkan Continuous Personnel Development (CPD) termasuk mewujudkan e-log latihan. • Mengadakan dan mensyaratkan latihan yang bersesuaian dengan pangkat dan jawatan. • Pertandingan Kawat Kecekapan Operasi dan Kebombaan untuk kemantapan mental dan fizikal kakitangan JBPM
2	Mempertingkatkan kemahiran personel menerusi penyediaan Training Need Analysis (TNA)	Mengenalpasti keperluan kursus bagi setiap kakitangan	Semua Warga Jabatan	Bahagian Latihan Bahagian Pengurusan	Berterusan	Mewujudkan insentif seperti kursus luar Negara
3	Program Pembelajaran sepanjang hayat	Membangun dan memperkasa kompetensi serta profesionalisme modal insan	Semua Warga Jabatan	Bahagian Latihan Bahagian Pengurusan	Berterusan 1 tahun sekali	• Memberi galakan menyambung pelajaran ke peringkat ijazah dan sarjana • Memantau prestasi berkursus tujuh (7) hari
4	Majlis Pengiktirafan dan Penganugerahan	Meningkatkan prestasi dan motivasi pegawai/ kakitangan	Semua Warga Jabatan	Bahagian Pengurusan Semua ketua bahagian	1 tahun sekali	Melaksanakan aktiviti/program pengiktirafan dan penganugerahan (Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Sijil Kecemerlangan, Pingat kebesaran jabatan, dll)

Strategi 2 : Meningkatkan Sahsiah Dan Integriti Personnel

Bil	Program/ Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Pelaksana	Jadual Pelaksanaan	Tindakan
1	Program pembangunan sahsiah melalui ceramah, kursus, seminar, dll.	Membentuk generasi pegawai berilmu, berakhlak dan berintegriti	Semua Warga Jabatan	Bahagian latihan / Unit Integriti	1 bulan sekali Berterusan Berterusan	- Mengadakan sesi ceramah pada setiap perhimpunan bulanan jabatan - Memberikan kursus berdasarkan keperluan pegawai - Menghantar pegawai menghadiri seminar dan bengkel
2	Program rakan pembimbing (AKRAB).	Pengurusan Pegawai yang berprestasi rendah atau bermasalah	Semua Warga Jabatan	Bahagian Pengurusan Pegawai dilantik	1 tahun sekali Berterusan Berterusan	- Melantik rakan pembimbing mengikut prosedur - Mengenalpasti pegawai yang memerlukan bimbingan - Merekod setiap tindakan/ interaksi oleh rakan pembimbing
3	Program Permentor	Mewujudkan saluran perhubungan untuk membolehkan pegawai baru mengadu sebarang masalah khususnya dalam hal-hal berkaitan kerja dan mengatasinya dengan mendapatkan nasihat daripada mentor masing-masing. Meningkatkan kompetensi professional, budaya, personal dan sosial bagi pegawai lantikan baru dan dinaikkan pangkat	Semua Warga Jabatan	Pegawai Kanan dan Pegawai Kanan Ibu Pejabat	1 tahun sekali Berterusan berterusan	- Melantik mentor mengikut prosedur. - Mengenalpasti mentee - Merekod setiap tindakan/ interaksi oleh mentor dan mentee
4	Program Transformasi Minda	Memberi pendedahan kepada pegawai mengenai misi, visi dan etika jabatan serta peraturan-peraturan asas perkhidmatan awam; Memupuk keperibadian, jati diri dan nilai patriotisme pegawai supaya lebih berketetapan dan berkemampuan menyesuaikan diri dalam perkhidmatan awam; Menerapkan nilai budaya kerja cemerlang agar pegawai dapat memberikan penyampaian perkhidmatan dengan cekap serta berkesan;	Semua Warga Jabatan	Bahagian latihan / Unit Integriti	Berterusan Berterusan	- Mengadakan kursus asas sains kebombaaran bagi lantikan baru - Mengadakan kursus induksi umum dan khusus bagi lantikan baru
5	Pemantauan Punitif, kuatkuasa disiplin dan tatatertib	Meminimumkan salah laku dikalangan warga jabatan	Semua Warga Jabatan	Bahagian Pengurusan Unit Integriti	Berterusan	Menubuhkan jawatankuasa siasatan

Strategi 3 : Mengukuhkan Kebajikan dan Keselamatan Organisasi

Bil	Program/ Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Pelaksana	Jadual Pelaksanaan	Tindakan
1	Menyediakan tempat kerja yang lebih selesa dan kondusif	Meningkatkan produktiviti, kualiti persekitaran dan kepuasan bekerja kakitangan	Semua Warga Jabatan	Semua Ketua Bahagian	Berterusan	Memastikan pelan tindakan bersepadu dilaksanakan hasil kepuasan bekerja
2	Pemantapan pengurusan prestasi	Mengenalpasti ruang penambahbaikan bagi pembangunan modal insan dan kemajuan kerjaya pegawai	Semua Warga Jabatan	Bahagian pengurusan	2 kali setahun	Mengadakan aktiviti/program pemahaman pengurusan prestasi kepada kumpulan sasar
3	Kajian semula Pemberian Pencen dan kadar elaun	Mengkaji semula kadar pemberian pencen dan kadar elaun agar mendapat bayaran yang lebih baik bagi merangsang motivasi personel dan juga sebagai penganugerahan kepada mereka.	Semua Warga Jabatan	Pengurusan Tertinggi Jabatan	Berterusan Berterusan	- Mengadakan kajian beban tugas, risiko dan unit-unit khas - Kajian semula taraf hidup semasa
4	Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	Menjaga kebajikan personel melalui keselamatan dan kesihatan yang berterusan	Semua Warga Jabatan	Bahagian Operasi	Berterusan	Penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Strategi 4 : Melaksanakan sistem penilaian prestasi anggota yang lebih berkesan, adil dan saksama

Bil	Program/ Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Pelaksana	Jadual Pelaksanaan	Tindakan
1	Mengadakan Mesyuarat Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM)	Mengenalpasti kelemahan, menilai semula, menyediakan langkah-langkah peningkatan mutu, mengurangkan birokrasi dan mengambil tindakan pendekatan lebih berkesan menggunakan kaedah penilaian berterusan	Semua warga jabatan	Pengurusan Sumber Manusia	1 tahun sekali 1 tahun sekali	- Mengesahkan markah prestasi / LNPT pegawai. - Mengesahkan pergerakan gaji.
2	Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)	Penghargaan dan pengiktirafan kepada pegawai yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang selaras dengan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bil.2 Tahun 2002	Semua warga jabatan	Pengurusan Sumber Manusia	1 tahun sekali	Mengenalpasti calon-calon yang layak untuk pemberian APC selaras dengan kehendak pekeliiling dan garis panduan.
3	Mewujudkan anugerah-anugerah lain seperti : 1. Anugerah Sijil Perkhidmatan Terpuji 2. Anugerah Sijil Pegawai Sejahtera	Memberi anugerah tertentu kepada Bahagian/ Jabatan/ Agensi atau individu yang telah berjaya mengharumkan nama jabatan dalam sesuatu bidang. Meningkatkan motivasi kerja pegawai	Semua warga jabatan	Pengurusan Sumber Manusia	1 tahun sekali 1 tahun sekali	- Permohonan kepada urus setia. - Pelaksanaan majlis penganugerahan
4	Kajian semula terhadap cara kenaikan pangkat	Memberi peluang kepada mereka yang layak dan komited terhadap tugas dalam pemilihan kenaikan pangkat	Semua warga jabatan	Pengurusan Tertinggi Jabatan	Berterusan Berterusan	- Mengadakan temuduga secara telus dan sistematik. - Mengadakan kenaikan pangkat secara time base

SASARAN 6 : MENINGKATKAN IMEJ KORPORAT DAN REPUTASI

Di samping memberikan perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang terbaik dan berkesan kepada masyarakat, Jabatan juga sentiasa berusaha untuk meningkatkan imej korporat dan reputasi. Bagi merealisasikan perkara ini, Jabatan akan berusaha untuk mencapai objektif berikut:

OBJEKTIF:

Objektif 1 : Untuk memperoleh pengiktirafan dan keyakinan masyarakat

Objektif 2 : Untuk mempromosikan jabatan secara berkesan

STRATEGI:

Bagi mencapai objektif tersebut, Jabatan telah menetapkan tiga strategi seperti berikut:

Strategi 1: Memantapkan program ke arah pengiktirafan Jabatan

Strategi 2: Merapatkan hubungan bersama media

Strategi 3: Memantapkan kerjasama dengan agensi luar



Strategi 1 : Memantapkan program ke arah pengiktirafan Jabatan

Bil	Program/ Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Pelaksana	Jadual Pelaksanaan	Tindakan
1	Kempen Kesedaran Awam	Memberi kesedaran kepada masyarakat tentang aspek keselamatan dan pencegahan kebakaran	Semua lapisan masyarakat	Ibu Pejabat / Negeri/Zon/ Balai (Bahagian Keselamatan Kebakaran)	1 tahun sekali	Membuat kempen kesedaran di kawasan perumahan dan industri
2	Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia	Komuniti sedar akan kepentingan dan keperluan terhadap JBPM	Semua lapisan masyarakat	Ibu Pejabat/ Negeri/Zon/ Balai (Bahagian Operasi)	1 tahun sekali	Mengadakan Majlis Sambutan Hari Anggota Bomba bersama komuniti.
3	Sambutan Hari Kemerdekaan	Mempamerkan perkembangan dan kemajuan Jabatan	Semua lapisan masyarakat	Bahagian Operasi	1 tahun sekali	Menyertai acara perbarisan sempena Sambutan Hari Kemerdekaan
4	Perhimpunan Bulanan / Tahunan	Menyampaikan amanat dan perkembangan terkini berkaitan jabatan dan hal ehwal semasa	Semua Warga Jabatan	Ibu Pejabat/ Negeri/Zon/ Balai	1 tahun sekali	• Perhimpunan Tahunan
5	Slogan Jabatan	Penjenamaan semula Slogan Jabatan	Semua Warga Jabatan	Ibu Pejabat/ Negeri/Zon/ Balai	1 bulan sekali	• Perhimpunan Bulanan
6	Perasmian Balai/ ibu pejabat Bomba	Meningkatkan hubungan dengan pemimpin serta masyarakat setempat	Pemimpin dan masyarakat tempatan	Bahagian Pembangunan	Setiap 3 tahun sekali	Mengadakan pertandingan mencipta slogan jabatan
7	Ceramah Integriti dan Nilai Murni	Meningkatkan budaya integriti di kalangan dikalangan anggota	Semua warga jabatan	Bahagian Latihan/ JBPM Negeri	Setiap balai baru yang siap dibina	Mengadakan majlis perasmian ibu pejabat/balai bomba baru.
8	Sambutan Hari Integriti	Meningkatkan integriti dan kualiti Pegawai	Semua warga jabatan	Unit Integriti/ Bahagian Latihan/ JBPM Negeri	1 bulan sekali	Menjemput penceramah yang bersesuaian (IIM, SPRM, JAKIM)
9	International Fire Conference & Exhibition Malaysian (IFCEM)	Bertukar pendapat/ pandangan bersama agensi lain	Semua lapisan masyarakat	Ibu pejabat	1 tahun sekali	Melaksanakan Sambutan Hari Integriti Jabatan
10	Post Mortem di tempat kejadian	Menghargai semua agensi yang terlibat Melaksanakan pemeriksaan	Kepada semua agensi yang terlibat kemalangan	Bahagian operasi	2 tahun sekali	Melaksanakan forum dan pameran yang disertai agensi luar dan golongan profesional yang berkaitan.
					Setiap kali operasi selesai	Memaklumkan pegawai operasi dan kepada agensi lain

Strategi 2 : Merapatkan hubungan bersama media

Bil	Program/ Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Pelaksana	Jadual Pelaksanaan	Tindakan
1	Penerbitan bahan bercetak	Menyebarkan maklumat berkaitan aktiviti-aktiviti Jabatan	Semua Warga Jabatan dan orang awam	Ibu Pejabat/ Negeri/ Zon/Balai	1 tahun sekali	Menghasilkan Laporan tahunan dan diedarkan kepada orang awam
2	Penglibatan dalam rancangan dokumentari, rancangan SPM, MHI dan lain-lain	Mempromosikan JBPM kepada masyarakat	Masyarakat umum	Bahagian Pengurusan Korporat dan media	Berterusan	- Bekerjasama dengan pihak media untuk menghasilkan dokumentari yang dapat mempromosi jabatan. - Mewujudkan slot khas untuk JBPM pada masa kemuncak.
3	Anugerah kepada media	Penghargaan kepada media	Wartawan	Bahagian Pengurusan Korporat dan media	1 tahun sekali	Memberi penghargaan kepada media dalam membantu mempromosi jabatan.
4	Program bersama media melalui pertandingan atau sukan	Mengeratkan hubungan bersama media	Wartawan	Bahagian Pengurusan Korporat dan media	1 tahun sekali	Menganjurkan aktiviti kesukanan dengan melibatkan pihak media.

Strategi 3 : Memantapkan kerjasama dengan agensi luar

Bil	Program/ Aktiviti	Matlamat	Kumpulan Sasaran	Pelaksana	Jadual Pelaksanaan	Tindakan
1	Fire Prevention Council Malaysia (FIPCOM)	Mewujudkan integriti badan profesional dalam aspek keselamatan kebakaran	Badan profesional/ NGO	Bahagian Keselamatan Kebakaran	1 tahun sekali	Mengadakan perbincangan bersama badan profesional/NGO.
2	Bomba Sukarela	Tanggungjawab komuniti terhadap keselamatan kebakaran	Masyarakat umum	Bahagian Operasi	2 kali setahun	Mengadakan latihan kebombaan bersama bomba sukarela.
3	Kelab 3K	Memupuk kesedaran tentang keselamatan kebakaran kepada kanak-kanak pra-sekolah	kanak-kanak pra-sekolah	Bahagian Keselamatan Kebakaran/ zon	Berterusan	Mengadakan aktiviti/latihan/ demo yang dapat menarik minat kanak-kanak.
4	Kadet Bomba	Memberi kesedaran tentang keselamatan kebakaran kepada pelajar sekolah menengah / golongan remaja	Sekolah Menengah	Bahagian latihan / zon / balai	Berterusan	Mengadakan pertandingan kebombaan, peperiksaan dan perkhemahan.
5	Menjalinkan kerjasama dengan Pusat Pengajian Tinggi	Mewujudkan perkongsian ilmu dan pengalaman	Warga JBPM dan pelajar	Bahagian latihan	Berterusan	- Menggalakkan pegawai menyambung pengajian di mana-mana IPT di bawah MOU. - Menggalakkan pelajar IPT untuk mengadakan training/kursus bersama bomba.
6	Bomba Komuniti	Memberi kesedaran tentang keselamatan kebakaran kepada masyarakat setempat	Semua lapisan masyarakat setempat	Bahagian keselamatan kebakaran /Zon/ Balai	2 tahun sekali	Mengadakan ceramah kesedaran pencegahan kebakaran di kawasan perumahan/ kampung.
7	Pasukan Keselamatan Kebakaran (ERT)	Tanggungjawab komuniti terhadap keselamatan kebakaran	Pekerja di premis	Bahagian /operasi/ latihan	2 tahun sekali	Mengadakan kelas/kursus kebombaan dan membuat penilaian terhadap pasukan.
8	National Blue Ocean Strategies (NBOS) 7	Meningkatkan keperhatian dan membantu golongan berpendapatan rendah	Mangsa kebakaran / Golongan Miskin yang ditimpa musibah	KPKT / JBPM Negeri	Berterusan	Melaksanakan program Mybeautiful Neighbourhood
9	Briged Bomba/PBB IPT	Memberi kesedaran tentang keselamatan kebakaran kepada pelajar	Pelajar IPT	Bahagian latihan	Berterusan	Melaksanakan modul/kursus kebombaan yang ditetapkan.
10	Teman Pili Bomba	Mewujudkan rasa tanggungjawab dan kepentingan pili bomba	Masyarakat umum	Bahagian operasi/ Balai-balai	Berterusan	- Menambah bilangan teman pili bomba pada setiap tahun. - Mengadakan pertandingan pili bomba terbersih.

BAB 6: ISU DAN CABARAN

Bagi memahami cabaran yang sering dihadapi dan faktor kejayaan pembudayaan integriti dalam sesebuah organisasi berikut adalah faktor kemerosotan integriti dan faktor kejayaan integriti:

Faktor Kemerosotan Integriti



Faktor Kejayaan Integriti



Faktor Penentu Kejayaan dalam Pelaksanaan Pelan Integriti Bomba



BAB 7: PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI

Unit Integriti JBPM sentiasa berusaha untuk memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi dapat dilaksanakan dalam Jabatan. Pelbagai program telah dirancang serta dilaksanakan sama ada di peringkat Ibu Pejabat mahupun di peringkat negeri.

Bagi memperkukuhkan lagi pemahaman dan penghayatan Pegawai Bomba mengenai integriti, Unit Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah turut mengadakan Forum Pemerkasaan Integriti. Program ini melibatkan kerjasama dengan Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Melalui forum ini, peserta telah didedahkan dengan pelbagai maklumat isu-isu semasa yang berkaitan dengan salah laku, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan rasuah. Forum ini juga turut membincangkan peranan integriti dari perspektif keagamaan dan pendidikan.

Objektif pelaksanaan forum ini adalah seperti berikut:

- i) Meningkatkan **kewibawaan pegawai bomba dan pegawai gunasama** dalam melaksanakan sistem penyampaian perkhidmatan khususnya yang berkaitan tugas dan tanggungjawab.
- ii) Memberi **suntikan untuk menerajui usaha dalam mengubah minda dan sikap pegawai bomba dan pegawai gunasama** supaya ikhlas, jujur dan tidak terpengaruh oleh gejala negatif seperti rasuah, ketidakcekap dan salahguna kuasa.
- iii) **Memelihara integriti dan memupuk budaya kerja** supaya sentiasa berdedikasi dan komited kepada tugas dan tanggungjawab yang membantu meningkatkan imej negara sebagai sebuah negara yang cekap, bersih dan berintegriti.

Ahli panel Forum Pemerkasaan Integriti yang dijemput terdiri daripada agensi penguatkuasaan, ahli akademik, ulamak dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Setiap panel diberi tajuk untuk dikupas mengikut kepakaran serta pengalaman berkaitan isu integriti yang dihoskan oleh seorang moderator yang berdedikasi.



Forum Pemerkasaan Integriti yang telah dilaksanakan dari tahun 2014, turut melibatkan penyertaan dari pelbagai agensi penguatkuasaan serta agensi kerajaan yang lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Kastam DiRaja Malaysia (KDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Penjara, RELA, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), Hospital, Jabatan Pertanian, Mufti Kerajaan Negeri dan lain-lain agensi.

Melalui Forum Pemerkasaan Integriti tersebut, semua peserta telah melafazkan Ikrar Integriti untuk membudayakan integriti sepanjang berkhidmat di tempat bertugas masing-masing.

Di samping itu, para peserta yang hadir juga telah mewakili agensi masing-masing untuk menandatangani Tinta Integriti bagi menzahirkan komitmen terhadap pembudayaan integriti di peringkat agensi masing-masing.



BAB 8: PENUTUP

Pelan Integriti Bomba hendaklah sentiasa dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh dan penuh komited. Penglibatan semua pegawai di setiap peringkat dalam melaksanakan pelan ini hendaklah dibuat dengan penuh rasa tanggungjawab dan beretika supaya semua yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

Pendekatan dan sasaran yang digubal ini akan menjadi pemangkin kepada melahirkan warga JBPM yang bebas dari gejala penyelewengan, salahguna kuasa dan rasuah. Adalah diharapkan semoga hasrat Jabatan untuk menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi dapat direalisasikan dengan semua warga Jabatan dapat melaksanakan tugas dan tanggung jawab dengan penuh berintegriti.



RUJUKAN

- Akta Perkhidmatan Bomba 1988
- Pelan Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Tahun 2009)
- Pelan Strategik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (2009 – 2020)
- Pelan Strategik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Pindaan Pelan Tindakan) 2013 - 2015
- Pelan Integriti Nasional (ISBN 983-41862-0-7)
- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013, 'Penubuhan Unit Integriti Di Semua Agensi Awam
- Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba) P.U.(A) 388/2003
- Laman Web
 - o Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
 - o Institut Integriti Malaysia
 - o Jabatan Perkhidmatan Awam



GLOSARI

ATM	- Angkatan Tentera Malaysia
ICT	- Teknologi Informasi dan Komunikasi
JBPM	- Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
JIM	- Jabatan Imigresen Malaysia
JPIB	- Jawatankuasa Pelaksana Pelan Integriti Bomba
JPJ	- Jabatan Pengangkutan Jalan
KDRM	- Kastam Di Raja Malaysia
KPKT	- Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
PIB	- Pelan Integriti Bomba
PDRM	- Polis Di Raja Malaysia
RELA	- Jabatan Ikatan Relawan
SAP	- Surat Arahan Perbendaharaan
SPRM	- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah

LAMPIRAN A

Senarai nama Pegawai yang terlibat dalam bengkel Kajian Semula Pelan Integriti JBPM

Bil	Nama	Tempat Bertugas
1	En. Shamsul Bahar Bin Shajian	Unit Integriti
2	PgKB I Zakaria Bin Muhd	JBPM Negeri Selangor
3	PgKB I Abdul Hadi Bin Abdullah	Bahagian Keselamatan Kebakaran
4	PgKB II Aswadi Bin Hj. Ismail	Unit Integriti
5	En. Azham Shah Bin Jamali	Cawangan Teknologi Maklumat
6	PgKB II Anom Faizura Binti Mohd Hizam	Bahagian Penyiasatan Kebakaran
7	PgKB II Ahmad Fisal Bin Ahyat	JBPM Negeri Selangor
8	PgKB II Sabarodzi Bin Nor Ahmad	JBPM Negeri Perak
9	PgKB II Abdul Rashid Bin Hassan	JBPM Putrajaya
10	PgKB II Wan Mohd Hamizi Bin Wan Mohd Zin	Bahagian Korporat
11	PgKB II Abd Rahman@ Awang Bin Ali Abd Jalil	JBPM Negeri Sabah
12	PgKB II Ismail Bin Idris	JBPM Negeri Kelantan
13	PgKB II Mohd Firdaus Bin Daud	JBPM Negeri Kedah
14	PgKB II Yahya Bin Hassan	Bahagian Latihan
15	PgKB II Mohd Sham Bin Md Tawal	ABPM Wakaf Tapai
16	PgKB II Muhammad Izwan Arief Bin Mat Nor	JBPM Kuala Lumpur
17	PgKB II Suriya Binti Ahmad	JBPM Negeri Kedah
18	PgKB II Raja Saiful Iswandi Bin Raja Hassan	JBPM Negeri Johor
19	PgKB II Janggan Anak Muling	JBPM Negeri Sarawak
20	PgKB II Ibnu Sahad Bin Hj. Punggak	JBPM Negeri Sabah
21	PgB Mohd Haikal Bin Md Kasri	Bahagian Operasi
22	PgB Mohamad Mustakim Bin Hj. Mukhtar	JBPM Negeri Kedah
23	PgKB II Zaipulbahri Bin Mat Rusok@Hassan	JBPM Negeri Perak
24	PgB Razali Bin Kayun	JBPM Negeri Sabah
25	PgB Mohd Wildan Bin Azhari	JBPM Labuan
26	PgB Muhamad Shahrizal Bin Aris	JBPM Negeri Pulau Pinang
27	PgB Azman Shah Bin Abu Jamal	JBPM Negeri Johor
28	PgB Mohd Sobree Bin Mohamad Salleh	JBPM Negeri Terengganu
29	PgB Kenneth Wilfred	JBPM Labuan
30	PgB Lokman Hakim Bin Basiron	JBPM Negeri Melaka
31	PgB Jesica Anak Sylvester Embuas	ABPM Sarawak
32	PgB Mohd Khairul Nizam Bin Mohamad Anuar	JBPM Negeri Sarawak
33	PgB Norlia Binti Isnawi	JBPM Negeri Pahang
34	En. Abd Rashid Bin Hussin	Bahagian Kejuruteraan
35	PgB Cik Hamdan Bin Hamzah	Bahagian Udara

Bil	Nama	Tempat Bertugas
36	PgB Mohd Afzal Bin Mat Kiar	Bahagian Pembangunan
37	PgB Mohd Redzuan Bin Tarmizi	Unit Aset, JBPM
38	TPgB Roslan Bin Hasnan	JBPM Negeri Perlis
39	TPgB Saroni Bin Jemingan	JBPM Labuan
40	TPgB Surina Binti Shaari	JBPM Putrajaya
41	Encik Raimi Bin Yusoff	JBPM Negeri Kelantan
42	PKPgB Sufian Bin Mohd	JBPM Negeri Terengganu
43	PKPgB Mohd Rozaini Bin Abdulrahim	JBPM Negeri Pulau Pinang
44	PKPgB Razif Bin Mohd Haris	JBPM Negeri Sembilan
45	PKPgB Azani Bin Aziz	JBPM Negeri Kelantan
46	Pn. Sajilah Sahly Binti Mohd Ali	Cawangan Kewangan
47	PgKB II Abdul Malik Bin Zainuddin	Unit Integriti – Urus Setia
48	PKPgB Mohd Azuan Bin Abu Hassan	Unit Integriti – Urus Setia
49	Pn. Intan Norizan Binti Yahaya	Unit Integriti – Urus Setia
50	Pn. Norezan Binti Idris	Unit Integriti – Urus Setia
51	En. Patrick Jelai Jali	Unit Integriti – Urus Setia





Unit Integriti
Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Lebuh Wawasan, Presint 7,
62250 Putrajaya
03-88927600
03-88880829